

10/03/1998

Pelaksanaan CMS agenda utama 1998

Abdul Karim Mustafa; Fazallah Pit

KUALA LUMPUR, Isnin - Sistem Pemantauan Berpusat (CMS) yang didokong pelaksanaannya oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) akan beroperasi secara meluas di taman perumahan tahun ini selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi YPJM, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Exco yayasan itu sepakat menjadikan pemasangan CMS di kawasan perumahan yang akan dikenal pasti sebagai agenda utama tahun ini berikutan kejadian kes pecah rumah yang semakin meningkat di seluruh negara.

Pada 1997 saja, kes pecah rumah dan curi meningkat kepada 29,360 berbanding 22,828 pada 1996 iaitu peningkatan sebanyak 6,532 kes atau 28.6 peratus.

Menurutnya, Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) akan bekerjasama mengenal pasti kawasan perumahan baru dan sedia ada untuk terbabit dalam program itu supaya ia menjadi popular dan diterima pakai di semua kawasan perumahan lain.

Katanya, untuk menjadikan operasi CMS lebih berkesan, syarikat pengendalinya akan melengkapkan semua kawasan yang dipasang sistem keselamatan canggih itu dengan konstabel kawalan yang mempunyai kuasa polis.

Konstabel kawalan itu diberi kuasa menahan dan mencegah jenayah mengikut Seksyen 9(1) Akta Polis 1967 dan Peraturan Konstabel Kawalan 1998.

"Pelantikan konstabel kawalan (oleh syarikat pengendali) boleh dibuat dengan memohon kepada Ketua Polis Negara menerusi ketua polis negeri masing-masing.

"Mereka akan diberi latihan dua minggu termasuk latihan praktikal di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Jalan Semarak, untuk memahami kuasa polis seperti menahan dan sebagainya. Bagaimanapun, tugas mereka termasuk mencegah jenayah hanya terhad di kawasan perumahan di mana mereka bertugas saja dan perlu melaporkan terus kepada pusat kawalan dan pemerintahan ketua polis daerah di kawasan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco YPJM di Bukit Aman di sini, hari ini.

Najib turut mempengerusikan Mesyuarat Agung YPJM Kelima di Mes Pegawai Kanan Bukit Aman.

Cadangan CMS itu dikemukakan YPJM sejak 1996. Cadangan itu antara lain merangkumi pengambilan dan perkhidmatan konstabel kawalan mendapat kelulusan daripada pejabat Peguam Negara baru-baru ini.

Najib menjelaskan, konstabel kawalan itu dengan kuasa yang diberi terletak di bawah pengurusan syarikat atau pemaju yang mengambil mereka termasuk soal pembayaran gaji.

"Polis akan memberi sokongan apabila berlaku jenayah di kawasan berkenaan termasuk mengawasi CMS yang dihubungkan ke balai. Jika berlaku apa-apa jenayah, konstabel kawalan akan pergi membuat pemeriksaan dan dalam masa yang sama seorang lagi akan menghubungi polis untuk meminta bantuan.

"Dengan elemen tindak balas cepat dan cekap ini, kita berharap penggunaan CMS meluas sekali gus kos yang akan dikenakan agensi terbabit akan lebih berpatutan," katanya.

(END)